

﴿ BAB II ﴾

BAB II

LANDASAN TEORI

1. PENDIDIKAN ISLAM

Kejahilan merupakan di antara cabaran alaf baru yang perlu diatasi oleh umat Islam. Jika tidak mahu terus ketinggalan oleh arus kemajuan dan pembangunan dunia, umat Islam perlu membebaskan diri dari kejahilan dengan mempelajari dan mendalami pelbagai ilmu pengetahuan kerana kekuatan umat Islam pada masa dahulu adalah disebabkan mereka menguasai banyak ilmu pengetahuan dan menjadi perintis kepada segala bentuk ilmu pengetahuan yang terdapat di dunia masa kini.

Penguasaan ilmu pengetahuan dunia itu walau bagaimanapun perlu diimbangi dengan penguasaan dalam bidang pengetahuan agama atau pendidikan Islam. Pendidikan tanpa menitik beratkan agama dan moral akan melahirkan insan yang rosak akhlak, tandus dari segi idea, muflis budaya, lesu intelek dan kontang jiwanya. Selain itu, kesan daripada peminggiran ilmu agama ialah meningkatnya masalah sosial yang cukup meresahkan masyarakat Islam hari ini¹.

Pendidikan Islam dapat menjamin ke arah keharmonian, kesejahteraan dan kebahagiaan kerana ia dibina di atas dasar-dasar yang dimiliki dan diyakini oleh umat Islam iaitu al-Qurān dan al-Sunnah Rasūlullah ﷺ. Apa yang nyata pendidikan yang tidak didasarkan kepada akidah yang bersumberkan kepada

¹ Ann Wan Seng (2000), "Cabaran Umat Islam di Alaf Baru", *Suara PERKIM*, bil.01, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia, h. 7.

al-Qurān dan al-Sunnah maka pendidikan itu tidak boleh dipanggil pendidikan Islam bahkan ianya adalah pendidikan asing².

1.1 PENGERTIAN PENDIDIKAN ISLAM

Dalam ilmu tatabahasa Melayu perkataan “pendidikan” adalah kata nama terbitan yang berasal daripada kata dasar “didik” yang membawa maksud jaga, pelihara atau ajar dengan hati-hati sejak kecil³.

Apabila perkataan “didik” tersebut diberi imbuhan “pen” pada awal perkataan dan imbuhan “an” pada akhirnya, maka timbullah sebutan “pendidikan”. Perkataan pendidikan bererti perihal mendidik atau pengetahuan mendidik⁴.

Sememangnya perkataan pendidikan pada masa sekarang telah menjadi suatu istilah yang mempunyai berbagai-bagai pengertian dan maksud. Pendidikan boleh dimaksudkan sebagai suatu usaha dan pimpinan yang teratur untuk mengembang dan memajukan segala kesanggupan dan kemungkinan-

² Dr. Abdul Halim Hj. Mat Diah (1989), *Pendidikan Islam Di Malaysia: Sejarah dan Pemikiran*, Kuala Lumpur: Penerbit Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), h. 60-61.

³ Hj. Abdullah Ishak (1995), *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya Di Malaysia*, c.1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 4. Lihat juga Zawawi Hj. Ahmad (1996), *Sains Dalam Pendidikan Islam*, c.1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 19. Lihat juga Hajah Noresah bt. Baharom (Ed.) (1997), *Kamus Dewan*, Edit.3, c.1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 303.

⁴ *Ibid*. Lihat juga Zawawi Hj. Ahmad, *loc. cit*.

kemungkinan yang ada pada seseorang individu atau orang yang dididik dengan selengkap-lengkapnyanya mengenai jasmani dan rohani dalam batas-batas tertentu⁵.

Pengertian lain yang diberikan berkaitan pendidikan adalah suatu proses dan aktiviti untuk menghasilkan perubahan yang dikehendaki dalam diri seseorang. Pendidikan juga merupakan proses menjaga dan memelihara sifat semulajadi atau fitrah kanak-kanak serta memupuk bakat dan kebolehan yang ada pada diri mereka dengan dorongan yang beransur-ansur. Tujuannya adalah supaya bakat dan kebolehan tersebut dapat berkembang dengan baik seiring kematangan yang dilalui oleh kanak-kanak⁶.

Dalam bahasa Inggeris, pendidikan disebut "*education*". Perkataan *education* berasal dari dua gabungan kalimah dalam bahasa Latin iaitu *e'ex* dan *ducereduc*. *E'ex* bermaksud keluar, manakala *ducereduc* bermaksud memimpin. Gabungan dua kalimah ini dapat diinterpretasikan sebagai mengumpul maklumat ke dalam diri bagi membentuk bakat atau dengan kata lain pendidikan ialah menyerap ilmu pengetahuan ke dalam bentuk teori serta melakukan latihan dalam bentuk praktik bagi membentuk peribadi dan watak serta mencungkil bakat yang terpendam⁷.

⁵ Abdullah al-Qari b. Haji Salleh (1972), *Dasar-dasar Pendidikan Menurut Islam*, c.1. Kelantan: Pustaka Aman Press, h. 41.

⁶ Zawawi Hj. Ahmad, *op. cit.*, h. 19-20.

⁷ Abdullah Ishak, *op. cit.*, h. 4 -5.

Walau bagaimanapun kerana bahasa itu bersifat arbitrari⁸ yang berubah mengikut kebudayaan dan zaman, maka perkataan ini juga mengalami perubahan di mana dua cantuman perkataan ini dipendekkan dan disebut *educere*. Perkataan ini biasanya digunakan dalam erti mendidik atau melatih terutamanya binatang-binatang yang dilatih oleh manusia. Perkataan ini kemudian dipinjam dan diasimilasikan dengan sebutan *education* yang membawa erti mendidik, mengasuh atau membina diri dan watak seseorang⁹.

Selain itu, perkataan *education* juga bermaksud "*The external process of superior adjustment of the physically and mentally developed, free conscious human being to God as manifested in the intellectual, emotional and volitional environment of men*"¹⁰.

Maksudnya; "Suatu proses abadi untuk menyesuaikan diri manusia yang bebas, insaf dan dewasa kerohanian dan fikirannya itu dengan Tuhan seperti yang ternyata dalam 'aqliyyah, perasaan dan kemahuan sendiri".

Seterusnya ditinjau pengertian pendidikan dalam bahasa Arab pula di mana terdapat beberapa istilah yang biasa digunakan. Antara istilah-istilah yang biasa digunakan adalah "*ta'lim* (تعليم), *tarbiyyah* (تربية) dan *ta'dib* (تأديب)".

⁸ Tidak berasaskan pertimbangan yang tertentu dan teliti atau tidak berasaskan pemikiran (analisis dan sebagainya). Rujuk Hajah Noresah bt. Baharom, *op. cit.*, h. 62.

⁹ Abdullah Ishak, *op. cit.*, h. 5.

¹⁰ Zawawi Hj. Ahmad, *op. cit.*, h. 21.

Kalimah *ta'lim* (تعليم) adalah berasal dari kata dasar “*allama* (علم) yang bererti mengajar. Ia juga boleh ditakrifkan sebagai proses pemindahan maklumat kepada seseorang. Biasanya orang menggelarkan atau menamakan pihak yang menyampaikan maklumat itu sebagai “*mu'allim*” atau guru. Manakala yang menerima maklumat pula disebut murid atau pelajar¹¹. Ini bertepatan dengan firman Allah ﷻ.

وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَذْبُتُونِي بِأَسْمَاءِ هَٰؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٣١﴾

Surah Al-Baqarah (2): 31

Maksudnya; “Dan Dia mengajarkan kepada Adam nama-nama (benda-benda) seluruhnya, kemudian mengemukakannya kepada para Malaikat lalu berfirman: Sebutkanlah kepadaKu nama benda-benda itu jika kamu memang orang-orang yang benar.”

Terjemahan Surah al-Baqarah (2): 31

Manakala perkataan *tarbiyyah* (تربيه) pula berasal dari kata dasar “*rabba*” (رب) yang bererti mengasuh, memelihara atau memimpin. Ia juga dapat diertikan sebagai memiliki, mentadbir, menguasai dan memperbaiki¹².

Dari sudut istilah, *tarbiyyah* bermaksud proses merealisasikan pembinaan insan, pembentukan dan pemasyarakatan seseorang individu selaras dengan dasar

¹¹ *Ibid*, h. 22.

¹² *Ibid*, h. 20.

yang digariskan oleh sesuatu falsafah supaya setiap individu tadi dapat menunjukkan keperibadian yang tinggi dalam setiap perilakunya¹³.

Selain itu *tarbiyyah* juga bermaksud suatu gagasan konsep yang saling berkait dalam satu cara pemikiran berdasarkan beberapa prinsip nilai yang ditentukan oleh Allah ﷻ¹⁴.

Seterusnya, kalimah *ta'dib* (تأديب) pula berasal dari kata dasar "*addaba*" (أدب) yang bermaksud pembentukan disiplin dan sikap bagi membentuk sahsiah. Istilah *ta'dib* (تأديب) dari segi terminologinya membawa maksud bahawa dalam proses mendidik atau membentuk, seseorang individu yang terdidik mempunyai kemampuan dalam mengembangkan segala potensinya ke arah pembentukan peribadi, sikap dan watak atau sahsiah yang selaras dengan acuan pembentukan yang ditentukan dan diredhai Allah ﷻ¹⁵.

Secara umumnya, ketiga-tiga kalimah tersebut memberi pengertian yang sama dalam mendefinisikan pendidikan. Walau bagaimanapun, perkataan *tarbiyyah* (تربيه) lebih meluas penggunaannya¹⁶.

¹³ *Ibid.*

¹⁴ *Ibid.*

¹⁵ *Ibid.*, h. 22.

¹⁶ Abdullah Ishak, *op. cit.*, h. 6.

Penggunaan kalimah ini lebih tepat kerana perkataan tersebut secara realitinya mencakupi pengertian pendidikan yang bukan sahaja ditujukan kepada manusia bahkan kepada makhluk Allah ﷻ yang lain yang membawa erti mendidik, mengajar, memelihara dan menternak. *Tarbiyyah* (تربیه) juga memberi gambaran mendidik, membentuk dan memelihara khususnya kepada manusia, bukan sahaja setelah bayi dilahirkan malah sebelum itu¹⁷.

Dalam Persidangan Dunia Pertama mengenai pendidikan Islam pada tahun 1977 telah merumuskan maksud pendidikan Islam seperti berikut;

*"In the context of Islam is inheret in the connotations of the terms 'tarbiyyah', 'ta'lim' and 'ta'dib' taken together. What each of these terms conveys concerning man and his society related to the others and together they represent the scope of education in Islam, both 'formal' and 'non-formal'... Education should aim at... the balanced growth of the total personality of man through the traning of man's spirit, intellect, the rational self, feelings and bodily senses. Education should therefore cater for the growth of man in all its aspects: spiritual, intellectual, imaginative, physical, scientific, linguistic, both invidually and collectively and motivate all these aspects towards goods and the attainment of perfection. The ultimate aim of muslim education lies in the realization of complete submission to Allah on the level of the individual, the community and humanity at large."*¹⁸

Setelah ditinjau pengertian pendidikan dari beberapa bahasa, sekarang penulis ingin menjelaskan pula tentang pengertiannya menurut para pakar dan sarjana. Menurut Plato, seorang ahli falsafah Yunani (427-346 S.M.) pendidikan

¹⁷ *Ibid*, h. 6-7.

¹⁸ Mahayudin Hj. Yahaya (1998), *Tamadun Islam*, c.4. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn.Bhd., h. 295.

adalah memberikan keindahan dan kesempurnaan yang mungkin diberikan kepada jasmani dan rohani¹⁹.

Seterusnya, menurut John Melton pula, seorang penyair Inggeris (1608-1614) menyatakan pendidikan yang sempurna adalah pendidikan yang dapat menjadikan manusia mampu menunaikan apa saja pekerjaan terhadap diri sendiri atau masyarakat dengan teliti, jujur dan cekap baik ketika tenang atau berperang²⁰.

Namun begitu, berlainan pula dengan pendapat Hall yang mengatakan pendidikan yang sempurna adalah pendidikan yang dapat memelihara kesihatan badan dan kekuatan jasmani bagi murid, juga pendidikan yang memungkinkannya mengenai kekuatan akal dan jasmani serta menambahkan kecepatan tanggapan dan ketajaman kepintaran serta melatihnya supaya cepat dan teliti dalam membuat keputusan dan membimbingnya supaya berperasaan halus, menjalankan kewajipannya dengan teliti dan hati-hati²¹.

Manakala Herbert Spencer pula (820-903) yang merupakan ahli falsafah Inggeris menjelaskan pendidikan ialah mempersiapkan manusia supaya dapat hidup dengan kehidupan yang sempurna²².

¹⁹ Dr. Abdul Halim Hj. Mat Diah (1989), *Islam dan Demokrasi Pendidikan*, c.1. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), h. 37.

²⁰ *Ibid*, h. 38.

²¹ *Ibid*, h. 39.

²² *Ibid*, h. 38.

Seterusnya, menurut pendapat Sully iaitu seorang ahli falsafah, ahli pendidikan dan pakar ilmu jiwa Inggeris, pendidikan bermaksud melatih potensi-potensi yang telah dimiliki agar mampu mengendalikan hidupnya dengan sopan, sihat dan bahagia²³.

Menurut John Dewey, ahli falsafah dan pendidikan Amerika, berpendapat pendidikan adalah proses pengalaman kerana kehidupan adalah pertumbuhan. Pendidikan adalah bererti membantu pertumbuhan batin tanpa dibatasi oleh usia. Proses pertumbuhan ini adalah proses penyesuaian pada tiap-tiap proses serta menambahkan kecekapan di dalam perkembangan seseorang²⁴.

Pendidikan juga meliputi aktiviti manusia untuk memelihara kelanjutan hidupnya sebagai individu dan masyarakat. Dalam proses pemeliharaan diri ini meliputi pewarisan berbagai nilai, ilmu dan keterampilan dari seseorang kepada seseorang yang lain atau dari generasi kepada generasi berikutnya untuk memelihara identiti zaman berzaman. Ini kerana hilangnya identiti suatu peradaban bererti disintegrasi atau disebut juga mati²⁵.

Setelah dinyatakan pengertian pendidikan, maka ditinjau pula tentang pengertian pendidikan Islam menurut pendapat para sarjana. Menurut al-Jamāli pendidikan adalah proses membentuk tabiat dan sikap seseorang dalam berbagai

²³ *Ibid.*

²⁴ *Ibid.*, h. 40.

²⁵ Prof. Dr. Hassan Langgulang (1991), *Pendidikan Islam Menghadapi Abad Ke-21*, c.1. Shah Alam: Hizbi Sdn. Bhd., h. 4.

aspek kehidupan sama ada rohani, jasmani, akal, akhlak mahu pun sosial supaya dapat mengabdikan diri kepada Allah ²⁶.

Manakala menurut al-Syaibāni pula pendidikan adalah membina dan membentuk keperibadian yang sempurna dalam berbagai aspek yang berhubung dengan jasmani, rohani, akal, amalan dan sosial bagi mendapatkan kebahagiaan dunia dan akhirat²⁷.

Imam al-Ghazali juga telah membuat perumpamaan bahawa mendidik itu samalah dengan tugas peladang yang membuang duri dan mencabut rumput-rumput yang tumbuh di celah-celah tanaman agar tanaman yang di tanam itu tumbuh subur dan membiak dengan baik. Maka mendidik itu adalah memperkembangkan bakat dengan jalan menghindarkan segala halangan dan rintangan. Pendapat yang dikemukakan ini hampir sama dengan pendapat Pythagoras, seorang ahli falsafah Yunani, yang berpendapat bahawa mendidik itu adalah bererti membenteras unsur-unsur yang tidak baik untuk disempurnakan²⁸.

Dari kaca mata Islam, pendidikan adalah satu proses latihan '*aqliyyah*, *jasmaniyyah*, *rohaniyyah*, *ijtima'iyah* dan *akhlaqiyyah* manusia berdasarkan nilai-nilai Islam yang bersumberkan al-Qurān dan al-Sunnah bagi melahirkan manusia yang sempurna dan bertaqwa²⁹.

²⁶ Mahayudin Hj. Yahaya, *op. cit.*, h. 296.

²⁷ *Ibid.*

²⁸ Abdullah al-Qari b. Hj. Salleh, *op. cit.*, h. 41-42.

²⁹ Mahayudin Hj. Yahaya, *loc. cit.*

Bagi menggariskan satu pengertian pendidikan Islam yang benar-benar tepat merupakan suatu perkara yang sukar dan rumit. Ini kerana perkataan pendidikan itu mempunyai pengertian dan penafsiran yang cukup luas. Berbagai-bagai pentafsiran telah dikemukakan oleh para sarjana pendidikan sejak dahulu hingga ke hari ini. Namun pengertian yang dikemukakan itu berbeza antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, pengertian yang diberikan itu tidak terkeluar dari tujuan dan maksud asal pendidikan.

Sebagai rumusannya, pendidikan adalah suatu proses yang berterusan untuk membentuk manusia yang berfikiran tidak sempurna menjadi lebih sempurna dan matang. Dengan demikian mereka dapat menghayati serta memelihara nilai hidup yang baik. Pendidikan juga adalah suatu proses mendidik yang tidak hanya tertumpu dalam usaha menjaga kepentingan jasmani sahaja, tetapi ia juga berperanan untuk membentuk jiwa, intelektual dan emosi seseorang supaya menjadi teratur, serasi dan sesuai dengan kehendak *insaniyyah*³⁰.

Hakikatnya, kelahiran pendidikan adalah seiring dengan penciptaan manusia pertama lagi. Menurut sejarah Islam, Nabi Adam ﷺ adalah pendidik pertama yang menjalankan tugas mendidik, memimpin dan membentuk manusia ke jalan kebahagiaan dan diredhai Allah ﷻ. Kemudian ia diikuti pula oleh para Nabi dan Rasūl yang lain sehingga sampai kepada Rasūlullah ﷺ. Merekalah yang membawa dasar-dasar hidup dan matlamat pendidikan daripada Allah ﷻ.

³⁰ Zawawi Hj. Ahmad, *op. cit.*, h. 22.

1.2. KONSEP PENDIDIKAN ISLAM

Islam datang untuk membina dan mendidik manusia sebagai Khalifah Allah ﷻ di muka bumi, membina hati, jiwa raga dan akal, membina budi pekerti, tingkah laku atau akhlak seterusnya mengangkat martabat dan kedudukan manusia pada tempat yang tinggi.

Pendidikan Islam adalah pendidikan yang berteraskan wahyu Allah ﷻ. Ia disampaikan oleh Rasūlullah ﷺ yang merangkumi akidah, syariah dan akhlak. Pendidikan Islam yang berteraskan tiga aspek berikut telah menonjolkan kesan yang positif dengan melahirkan generasi Islam yang sempurna dalam semua aspek sama ada dari aspek rohani atau jasmani. Dakwah Rasūlullah ﷺ selama 23 tahun di Mekah dan Madinah yang berteraskan tiga aspek tersebut berjaya melahirkan masyarakat Islam yang berilmu, beriman dan bertaqwa³¹.

Pendidikan Islam itu sebenarnya lahir dan bermula apabila seseorang itu melangkah ke alam dunia. Setelah seseorang itu lahir sahaja ke alam ini, maka dengan sendirinya dia akan mengalami suasana pendidikan. Menurut pandangan Islam, ibu dan bapa merupakan orang yang mula-mula menjadi pendidik kepada anak yang dilahirkan itu. Pendidikan cara ini dikenali sebagai pendidikan tidak formal³².

³¹ Abdullah Ishak, *op. cit.*, h. 92.

³² Drs. Sidi Gazalba (t.t), *Pendidikan Islam Dalam Masyarakat*, Jakarta: Pustaka Antara, h. 13.

Di atas bahu kedua ibu bapalah Allah ﷻ mempertanggungjawabkan untuk mencorak dan membimbing anak itu sama ada menjadi seorang insan muslim dan beriman atau sebaliknya. Lantaran itu mendidik, mengajar, membimbing, membentuk serta melatih individu dalam pelbagai aspek sama ada jasmani, rohani, akal, akhlak atau kesedaran sosial bagi melahirkan manusia yang sempurna, beriman, bertaqwa, sihat, berilmu dan berkemahiran dalam kerjaya merupakan suatu tugas yang penting. Tugas ini telah diamanahkan oleh Allah ﷻ ke atas setiap hambaNya. Inilah merupakan konsep dan pendidikan rabbāni yang bersumberkan bimbingan Ilahi³³. Firman Allah ﷻ,

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُتُوبًا أَنفُسُكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ
وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاطٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ

مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

Surah al-Tahrīm (66) : 6

Maksudnya; "Hai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu, penjaganya malaikat-malaikat yang kasar, yang keras, yang tidak mendurhakai Allah terhadap apa yang diperintahkanNya kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan (6)"

Terjemahan Surah al-Tahrīm (66): 6

Kumpulan masyarakat yang wujud hasil dari tarbiyyah Rasūlullah ﷺ dapat disebut sebagai generasi rabbāni dan mereka adalah golongan para sahabat dan tābiīn. Sifat-sifat dan keperibadian generasi ini hasil dari didikan Islam yang

³³ Drs. Hanafi Mohamed (1996), *Falsafah Pendidikan Menurut al-Quran*, c.1. Selangor: Pustaka Ilmi, h. 42-43.

diajar oleh Rasūlullah ﷺ wajib dicontohi oleh umat Islam pada zaman sekarang. Pendidikan Islam yang diajarkan itu telah meninggalkan kesan positif dan dapat membentuk keperibadian atau mewujudkan muslim yang sempurna³⁴.

Pendidikan Islam juga dapat melahirkan individu yang baik terhadap diri sendiri, keluarga dan masyarakat bagi mencapai kebahagiaan hakiki yang berpandukan wahyu Allah ﷻ. Rasūlullah ﷺ telah memperkenalkan konsep menuntut ilmu tanpa membezakan antara lelaki dan wanita³⁵.

Di tinjau dari aspek kebudayaan, pendidikan merupakan warisan kebudayaan kerana melalui pendidikan suatu generasi akan menyampaikan kebudayaannya kepada generasi baru atau dengan kata lain orang-orang tua menanamkan cara berfikir, cara melakukan dan cara hidup kepada orang yang masih muda yang kurang faham dan kurang mengetahui tentang hal-hal tersebut. Ternyata, tanpa pendidikan kebudayaan akan sirna³⁶ kerana apabila sesuatu itu tidak diwariskan, maka sudah pasti ia akan hilang dan lenyap begitu sahaja³⁷.

Umat Islam seluruhnya tidak harus leka dan lalai dengan tindakan pihak Barat atau golongan kafir yang anti Islam yang mahu melenyapkan pendidikan berteraskan wahyu Allah ﷻ. Kita perlu berhati-hati dan jangan hanya ikut membuta tuli segala struktur yang direncanakan dan dicanangkan oleh Barat demi

³⁴ *Ibid.*

³⁵ *Ibid.*

³⁶ Sirna bermaksud hilang, lenyap dan musnah. Rujuk Hajah Noresah bt. Baharom, *op. cit.*, h. 1290.

³⁷ Sidi Gazalba, *op. cit.*, h. 17.

untuk memartabatkan pemikiran mereka. Ini penting untuk menghindari umat Islam terus berilusi bahawa segala-galanya akan dapat dicapai bila kita tunduk sebagai hamba abdi kepada Barat termasuk sistem pendidikannya.

Adalah penting bagi kita umat Islam menegakkan kedudukan dan memartabatkan ketinggian pendidikan dan keintelektualan Islam. Hakikatnya, ini bukanlah tanggungjawab dan peranan yang perlu dimainkan oleh seorang individu bahkan ianya hendaklah lahir dari kerjasama semua pihak yang bertanggungjawab menyusun struktur pendidikan secara keseluruhannya mengikut ajaran al-Qurān dan al-Sunnah³⁸.

1.3. MATLAMAT PENDIDIKAN ISLAM

Pendidikan dalam apa jua bentuk sekalipun mempunyai tujuan dan matlamat yang tertentu, menyeluruh dan universal. Matlamat utama pendidikan Islam secara umumnya adalah melahirkan individu bagi memainkan peranan yang positif dalam semua aspek sama ada terhadap diri sendiri, keluarga, masyarakat, agama dan negara³⁹.

Di samping itu, matlamat pendidikan Islam juga adalah untuk membentuk akhlak dan peribadi. Akhlak adalah suatu manifestasi hidup yang luas merangkumi hubungan manusia dengan Allah ﷻ, manusia sesama manusia dan manusia dengan

³⁸ Muhammad 'Uthman el-Muhammady (2000), "Pendidikan Islam Menurut Al-Nadwi: Satu Analisis", *Jurnal Usuluddin*, bil.11, Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 104 -105.

³⁹ Abdullah Ishak, *op. cit.*, h. 13.

semua makhluk Allah ﷻ di muka bumi ini. Akhlak manusia sangat peka dan mudah berkesan sama ada melalui tingkah laku yang baik atau pun buruk. Lantaran itulah Rasūlullah ﷺ sering dan sentiasa mengingatkan umat manusia seluruhnya tentang betapa mustahak dan pentingnya akhlak di bentuk dengan baik⁴⁰. Ciri-ciri akhlak yang mulia telah dijelaskan dalam al-Qurān melalui firman Allah ﷻ,

﴿وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَنًا ۚ إِنَّمَا يَبْغَىٰ عَنْكَ الْكِبَرُ ۖ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ۝١٣﴾ وَأَخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ الذُّلِّ مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ ارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا ۝١٤﴾ رَبُّكُمْ أَعْلَمُ بِمَا فِي نُفُوسِكُمْ ۚ إِن تَكُونُوا صَالِحِينَ فَإِنَّهُ كَانَ لِلْأَوَّابِينَ غَفُورًا ۝١٥﴾ وَءَاتِ ذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ وَالْمِسْكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ وَلَا تَبْذِرْ تَبَذِيرًا ۝١٦﴾
 إِنَّ الْمُبْذِرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيَاطِينِ ۖ وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا ۝١٧﴾ وَإِمَّا تَعْرِضْ عَنْهُمْ أَبْتِغَاءَ رَحْمَةٍ مِّن رَّبِّكَ تَرْجُوهَا فَقُلْ لَهُمْ قَوْلًا مَّيْسُورًا ۝٢٨﴾ وَلَا تَجْعَلْ يَدَكَ مَغْلُولَةً إِلَىٰ عُنُقِكَ وَلَا تَبْسُطْهَا كُلَّ الْبَسْطِ فَتَقْعُدَ مَلُومًا مَّحْسُورًا ۝٢٩﴾

Surah al-Isrāa' (17): 23-29

Maksudnya: "Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah kamu berbuat baik pada ibu bapamu dengan sebaik-baiknya. Jika salah seorang di antara keduanya atau kedua-duanya sampai berumur lanjut dalam pemeliharaanmu, maka sekali-kali janganlah kamu mengatakan kepada keduanya perkataan "ah" dan janganlah kamu membentak

⁴⁰ Zawawi Hj. Ahmad, *op. cit.*, h. 77.

mereka dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia. (23)

Dan rendahkanlah dirimu terhadap mereka berdua dengan penuh kesayangan dan ucapkanlah; "Wahai Tuhanku, kasihilah mereka keduanya sebagaimana mereka berdua telah mendidik aku waktu kecil". (24)

Tuhanmu lebih mengetahui apa yang ada dalam hatimu, jika kamu orang-orang yang baik, maka sesungguhnya Dia Maha Pengampun bagi orang-orang yang bertaubat. (25)

Dan berikanlah kepada keluarga yang dekat akan haknya, kepada orang miskin dan orang yang dalam perjalanan, dan janganlah kamu menghambur-hamburkan (hartamu) secara boros. (26)

Sesungguhnya pemboros-pemboros itu adalah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat ingkar kepada Tuhannya. (27)

Dan jika kamu berpaling dari mereka untuk memperoleh rahmat dari Tuhanmu yang kamu harapkan, maka katakanlah kepada mereka ucapan yang pantas. (28)

Dan janganlah kamu jadikan tanganmu terbelenggu pada lehermu dan janganlah kamu terlalu menghulurkannya kerana itu kamu menjadi tercela dan menyesal. (29)

Terjemahan Surah al-Isrā' (17): 23-29

Dalam masa yang sama, matlamat pendidikan Islam adalah sebagai persiapan untuk kehidupan dunia dan akhirat. Matlamat pendidikan Islam adalah berusaha mengimbangkan antara kemestian hidup di dunia dengan kemestian hidup di akhirat. Sememangnya Islam melarang seseorang individu mengasingkan diri dari kehidupan masyarakat dan tidak suka serta tidak berusaha mencari nafkah hidup, sebagaimana Islam juga melarang seseorang yang hanya mengejar impian, cita-cita dan kemewahan di dunia semata-mata. Jelasnya Islam menyeru manusia supaya hidup bermasyarakat dan bekerja mencari nafkah untuk keluarga serta menghormati dan memuliakan orang-orang yang berusaha untuk mencapai kejayaan⁴¹.

⁴¹ Dr. Hassan Langgulong (1986), *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Pendidikan*, c.1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 2.

Selain itu, masyarakat umum juga telah menyatakan bahawa matlamat pendidikan Islam ini adalah untuk mendekatkan diri (*taqarrub*) kepada Allah ﷻ dengan penuh ketaqwaan dan bukannya untuk bermegah-megah di dunia. Taqwa merupakan wasiat Allah ﷻ yang paling utama bagi umat manusia. Firman Allah ﷻ.

وَلِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَلَقَدْ وَصَّيْنَا الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكُمْ وَإِيَّاكُمْ أَنْ اتَّقُوا اللَّهَ وَإِنْ تَكْفُرُوا فَإِنَّ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَكَانَ اللَّهُ غَنِيًّا حَمِيدًا ﴿١٣١﴾

Surah al-Nisā' (4): ayat 131

Maksudnya; "Dan kepunyaan Allahlah apa yang di langit dan yang di bumi, dan sungguh Kami telah memerintahkan kepada orang-orang yang diberi kitab sebelum kamu dan (juga) kepada kamu, bertaqwalah kepada Allah. Tetapi jika kamu kafir maka (ketahuilah), sesungguhnya apa yang di langit dan apa yang di bumi hanyalah kepunyaan Allah dan Allah Maha Kaya lagi Maha Terpuji". (131)

Terjemahan Surah al-Nisā' (4): ayat 131

Secara ringkasnya, taqwa memberi pengertian kesanggupan seseorang melaksanakan segala perintah Allah ﷻ dan mampu meninggalkan segala larangannya. Justeru itulah, sifat taqwa dapat membentuk disiplin hidup yang sempurna bagi manusia mencapai kebahagiaan hidup dunia dan akhirat⁴².

⁴² Hanafi Mohamed, *op. cit.*, h. 65-66.

2. PUSAT PENDIDIKAN ISLAM

Pusat pendidikan Islam memainkan peranan yang penting sebagai tempat penyebaran ilmu. Ia lahir seiring dengan perkembangan Islam. Tahun 459 H (1066-1067M) merupakan tahun pemisah antara pendidikan kaum muslimin di tahun-tahun yang sebelumnya dengan tahun-tahun yang sesudahnya kerana pada tahun ini telah ditubuhkan sistem persekolahan di Baghdad. Sebelum itu, para pendidik mengajar murid-murid mereka di tempat-tempat seperti masjid, di rumah mereka sendiri, di kedai-kedai kitab dan lain-lain. Setelah sekolah didirikan maka para guru dan pelajar-pelajar mendapat kesempatan yang lebih luas, peraturan yang lebih baik dan persediaan yang lebih sempurna dalam pendidikan⁴³.

Oleh yang demikian, dalam membincangkan tentang pusat pendidikan dalam sejarah Islam, penulis telah mengkategorikannya kepada dua peringkat iaitu peringkat sebelum penubuhan sekolah dan selepas penubuhan sekolah.

2.1. PUSAT PENDIDIKAN SEBELUM PENUBUHAN SEKOLAH

A. RUMAH

Pendidikan Islam telah diasaskan oleh Rasūlullah ﷺ pada tahun 610M di rumah al-Arqam bin Abī al-Arqam di al-Şafa, Mekah. Pendidikan di rumah al-Arqam ini dikendalikan secara rahsia kerana masyarakat Mekah pada masa itu rata-rata terdiri dari masyarakat yang menyembah berhala

⁴³ Ahmad Shalaby (1954), *History of Muslim Education*, Beirut: Dar al-Kashshaf, h. 15.

sejak zaman berzaman. Lantaran itulah, menjadi masalah besar bagi Rasūlullah ﷺ untuk cuba mengubah struktur masyarakat dan kepercayaan mereka yang terlalu kukuh dan mantap itu⁴⁴.

Selain rumah al-Arqam, Rasūlullah ﷺ turut menjadikan rumah baginda sendiri di Mekah sebagai tempat kaum muslimin berkumpul untuk belajar. Walau bagaimanapun, rumah al-Arqam atau *Dar al-Arqam* merupakan sekolah pertama dalam sejarah Islam dan Rasūlullah ﷺ sebagai guru atau pendidik pertama⁴⁵. Pengajaran yang disampaikan oleh baginda pada ketika ini adalah berkaitan dengan akidah di samping pembinaan *sahsiah Islamiyyah* yang tulen dan sempurna berasaskan tuntutan wahyu Allah ﷻ⁴⁶. Firman Allah ﷻ,

وَأَنْذِرْ عَشِيرَتَكَ الْأَقْرَبِينَ ﴿٢١٤﴾ وَخَفِضْ جَنَاحَكَ لِمَنِ اتَّبَعَكَ مِنَ
الْمُؤْمِنِينَ ﴿٢١٥﴾

Surah al-Syu'arā' (26): ayat 214-215.

Maksudnya; “Dan berilah peringatan kepada kerabat kerabatmu yang terdekat {214} Dan rendahkanlah dirimu terhadap orang-orang yang mengikutimu, iaitu orang-orang yang beriman.” {215}

Terjemahan Surah al-Syu'arā' (26): ayat 214-215.

⁴⁴ Zawawi Hj. Ahmad, *op. cit.*, h. 1.

⁴⁵ Hassan Langgulong, “Pendidikan Islam Menghadapi Abad ke-21”, *op. cit.*, h. 14.

⁴⁶ Zawawi Hj. Ahmad, *loc. cit.*

Di antara orang yang mula-mula mendapat pendidikan Islam daripada Rasūlullah ﷺ ialah isterinya Khadijah binti Khuwailid, 'Alī bin Abī Ṭālib, Zaid bin Harithah, Abū Bakar al-Ṣiddiq, 'Uthmān bin 'Affān, al-Zubair bin al-'Awwām, 'Abdul Rahman bin 'Auf, Ṭalhah bin 'Ubaidullah, al-Arqam bin Abī al-Arqam dan beberapa orang sahabat lagi⁴⁷.

Melalui sifat-sifat serta peribadi Rasūlullah ﷺ sebagai guru dan pendidik yang unggul, baginda telah berjaya membina generasi pelopor yang berjiwa besar dan bercita-cita tinggi untuk mencipta tamadun Islam di tengah-tengah masyarakat jahiliah⁴⁸.

B. MASJID

Setelah Rasūlullah ﷺ dan umat Islam berhijrah dari Mekah ke Madinah, maka pusat pendidikan telah berpindah dan berpusat di masjid. Masjid telah dijadikan tempat untuk mempelajari segala ilmu pengetahuan. Ia menjadi pusat informasi ilmu Allah ﷻ yang diterima oleh Rasūlullah ﷺ untuk disampaikan kepada umat Islam. Masjid yang didirikan oleh Rasūlullah ﷺ setelah berhijrah ke Madinah ialah Masjid Quba' dan Masjid Nabawi. Walau bagaimanapun, kedua-dua masjid

⁴⁷ Mahayudin Hj. Yahaya, *op. cit.*, h. 299.

⁴⁸ *Ibid*, h. 2.

tersebut bukanlah masjid yang pertama di bina bahkan sebelum itu telah pun di bina Masjid al-Haram di Mckah dan Masjid al-Aqsa di Palestin⁴⁹.

Selain berperanan sebagai pusat ilmu pengetahuan, masjid di zaman Rasūlullah ﷺ berperanan penting sebagai tempat ibadah, dakwah, hukuman, kegiatan sosial, jual-beli dan sebagainya untuk kepentingan dan kebajikan umat Islam seluruhnya⁵⁰.

Menurut istilah Islam, fungsi masjid adalah sebagai markas atau tempat bagi segala aktiviti agama dan kemasyarakatan khususnya dalam hal-hal yang berhubung dengan ibadah dan pendidikan. Rasūlullah ﷺ telah menjadikan Masjid Nabawi sebagai tempat belajar mengenai urusan-urusan dunia dan agama di samping beribadah. Keadaan dan situasi di masjid menjadikannya lebih bebas dan sesuai sebagai tempat belajar kerana ia mampu menampung bilangan pelajar yang ramai. Tambahan pula, sesiapa sahaja boleh memasuki masjid tanpa perlu meminta kebenaran terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, pengajian di Masjid Nabawi ini adalah bentuk pengajian tidak formal⁵¹.

⁴⁹ Hanafi Mohamed, *op. cit.*, h. 50-51.

⁵⁰ *Ibid*, h. 51.

⁵¹ Hasan Langgulung, "Pendidikan Islam Menghadapi Abad ke-21, *loc. cit.*, h. 14.

Di antara masjid-masjid yang menjadi pusat pendidikan yang terkenal dalam sejarah Islam ialah Masjid ‘Amru di Mesir, Masjid di Basrah, Masjid di Kufah, Masjid al-Haram dan banyak lagi⁵².

Pada zaman kerajaan Umaiyyah, para sahabat dan tābiin telah membuka banyak pusat pengajian Islam di masjid-masjid di seluruh negara Islam. Matapelajaran-matapelajaran yang diajar adalah ilmu tafsir, hadis, fiqh, syarahan, bahasa, kesusasteraan Arab dan banyak lagi. Manakala pengajaran yang disampaikan adalah dalam bentuk syarahan⁵³.

Begitu juga pada zaman kerajaan ‘Abbasiyyah, masjid masih lagi berperanan sebagai pusat pendidikan di samping beberapa kuttab yang didirikan. Ilmu-ilmu yang diajar juga telah berkembang seperti ilmu hisab, fizik, kimia, ilmu bintang, logik, falsafah dan lain-lain⁵⁴.

Adalah menjadi tanggungjawab dan kewajipan umat Islam dewasa ini mengembalikan peranan masjid sebagai pusat ilmu pengetahuan, pusat informasi, pusat sumber maklumat dan pusat pengembangan nilai-nilai pendidikan dan pengajaran Islam seperti ceramah agama, forum, seminar, kursus, kem dan sebagainya⁵⁵ berdasarkan firman Allah ﷻ,

⁵² Ahmad Amin (1979), *Duha Islam*, Juz al-Thāni, al-Ṭab‘ah al-Tāsi‘ah, Qaherah: Maktabah al-Nahdah al-Miṣriyyah, h. 52.

⁵³ Hassan Langgulung, “Pendidikan Islam Menghadapi Abad Ke-21, *op. cit.*, h. 15.

⁵⁴ *Ibid*

⁵⁵ Hanafi Mohamed, *op. cit.*, h. 51-52.

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مِنْ ءَامِنٍ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَآَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى
 الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾

Surah al-Taubah (9): 18

Maksudnya: "Hanyalah yang memakmurkan masjid-masjid Allah ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari kemudian, serta tetap mendirikan solat, menunaikan zakat dan tidak takut (kepada siapa pun) selain kepada Allah, maka merekalah orang-orang yang diharapkan termasuk golongan orang-orang yang mendapat petunjuk." (18)

Terjemahan Surah al-Taubah (9): 18

C. BERANDA MASJID (AL-SUFFAH)

Beranda masjid atau dikenali dengan al-Suffah turut memainkan peranan penting dalam perkembangan pendidikan Islam. Al-Suffah telah didirikan oleh Rasūlullah ﷺ bersambung dengan Masjid Nabawi. Ada yang mengatakan bahawa al-Suffah adalah surau dan ia merupakan surau pertama yang didirikan dalam Islam. Struktur atau corak pengajian di al-Suffah ini adalah lebih formal dan bersistematik⁵⁶.

Di al-Suffah ini, Rasūlullah ﷺ telah mengajar orang-orang Islam di samping melatih para sahabat untuk menjadi guru atau pendidik bagi mengajar beberapa matapelajaran di situ. Di antara para sahabat yang

⁵⁶ Hassan Langgulung, "Pendidikan Islam Menghadapi Abad Ke-21", *loc. cit.*

bertugas sebagai guru di situ ialah ‘Abdullah bin Rawāhah, ‘Ubādah bin al- Šomit dan Abū ‘Ubaidah al-Jarrah. Manakala matapelajaran yang diajar termasuklah al-Qurān, dasar-dasar Islam, seni khat, menunggang kuda dan memanah. Tegasnya, pengetahuan yang diajarkan di sini meliputi pendidikan rohani dan jasmani⁵⁷.

D. PONDOK (TAMAN ASUHAN)

Peranan pondok sebelum kedatangan Islam hanya sebagai tempat belajar menulis dan membaca sahaja. Tetapi selepas kedatangan Islam, peranannya semakin berkembang. Ia bukan lagi sebagai tempat belajar menulis dan membaca bahkan sebagai tempat membaca kitab-kitab agama dan menghafaz al-Qurān serta Hadith⁵⁸. Namun penggunaan sebagai tempat pembelajaran agama atau pendidikan Islam bagi orang-orang Arab lebih dikenali dengan Kuttāb dari kata jamaknya Katātīb⁵⁹.

Pondok sebenarnya telah wujud sebelum kedatangan Islam lagi. Walau bagaimanapun, pada masa itu penubuhannya tidak begitu meluas dan kurang popular. Di antara penduduk Mekah yang mula-mula belajar menulis huruf Arab ialah Sufyān bin Umaiyyah bin ‘Abd al-Syams dan Abū Qais bin ‘Abdul Manāf bin Zuhrah bin Kilāb. Mereka berdua diajar oleh Bisyr bin ‘Abdul Malik yang mendapat pendidikan dari negeri al-Hīrah. Walau

⁵⁷ *Ibid.*

⁵⁸ Hanafi Mohamed, *op. cit.*, h. 52

⁵⁹ Ahmad Amīn, *op. cit.*, h. 50.

bagaimanapun sehingga kedatangan Islam, orang-orang Quraisy Mekah yang pandai menulis dan membaca hanyalah seramai 17 orang sahaja⁶⁰.

Pondok didirikan bertujuan untuk memberi pelajaran awal kepada kanak-kanak selain di rumah dan masjid. Ia menjadi tempat pertemuan antara guru dengan pelajar-pelajar berhubung proses belajar di tahap awal. Terdapat dua jenis pondok yang didirikan iaitu bersambung dengan masjid atau terpisah daripadanya⁶¹. Ia juga didirikan berasingan antara pondok untuk anak-anak orang kebanyakan yang membayar yuran pengajian dengan anak-anak orang miskin yang belajar secara percuma⁶².

Kurikulum yang biasa terdapat pada semua jenis pondok di seluruh dunia Islam seperti di Semenanjung Tanah Arab, Mesir, Iran, Andalus dan lain-lain adalah hampir sama iaitu al-Qurān, hadith, seni khat, tatabahasa Arab, kesusasteraan Arab dan sejarah⁶³.

E. BAITUL HIKMAH

Baitul Hikmah atau di sebut juga Dār al-Hikmah dan Khazanah Hikmah merupakan perpustakaan terbesar yang di bina di Baghdad pada zaman pemerintahan ‘Abbasiyyah. Ia telah diasaskan oleh Khalifah Harun

⁶⁰ Ahmad Shalaby, *op. cit.*, h. 16.

⁶¹ Hassan Langgulong, "Pendidikan Islam Menghadapi Abad Ke-21, *op. cit.*, h. 16.

⁶² Nur Azuki b. Yusuff (2000), "Sejarah Pendidikan Islam Di Jajahan Bachok: Suatu Kajian Tentang Institusi Pendidikan Islam Dari Tahun 1957-1990", (Disertasi MA, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 39.

⁶³ Hassan Langgulong, "Pendidikan Islam Menghadapi Abad Ke-21, *loc. cit.*

al-Rasyīd tetapi telah diperbesar dan diperkemaskan lagi oleh Khalifah al-Ma'mun⁶⁴.

Pada asalnya Baitul Hikmah berfungsi sebagai sebuah perpustakaan untuk mengusahakan gerakan penterjemahan dan pengumpulan buku-buku tempatan dan asing yang semakin bertambah pada masa itu. Contohnya Khalifah Harun Al-Rasyīd telah melantik Yuhana bin Musawiyah, seorang Kristian dan mampu menterjemahkan buku-buku dari bahasa Greek, untuk menterjemah buku-buku perubatan lama yang ditemui di Ankarah dan Amuriah serta daerah-daerah lain. Kemudian, peranannya menjadi semakin luas sehingga menjadi sebuah Institusi Pendidikan Tinggi Islam. Baitul Hikmah telah tersebar ke seluruh pelusuk dunia Islam seperti Mawsāl, Kaherah, Fustāt dan Halab⁶⁵.

Baitul Hikmah merupakan julung-julung perpustakaan yang didirikan meliputi setiap cabang ilmu pengetahuan. Perpustakaan ini kekal sehinggalah datangnya orang-orang Tartar pada tahun 656 H⁶⁶.

F. ISTANA

Istana-istana Khalifah turut memainkan peranan dalam perkembangan pendidikan Islam. Ia dijadikan sebagai tempat belajar dan menyimpan bahan-bahan bacaan. Ia menjadi tempat belajar bagi putera-

⁶⁴ Ahmad Amīn, *op. cit.*, h. 76-77.

⁶⁵ Nur Azuki b. Yusuff, *op. cit.*, h. 40.

⁶⁶ Ahmad Amīn, *op. cit.*, h. 82

putera Khalifah dan anak-anak pembesar. Kurikulum yang diajar di istana dibuat oleh ibu bapa pelajar sepenuhnya atau berbincang bersama guru yang mengajar supaya rancangan pengajian tersebut sesuai dengan anak-anak mereka⁶⁷.

Rencana pengajian yang dibuat ini secara dasarnya adalah sama dengan rencana pengajian yang dibuat untuk kanak-kanak lain, hanya terdapat beberapa perkara yang ditambah dan dibuang selaras dengan keinginan dalam mempersiapkan putera-putera mereka khusus untuk memikul tanggungjawab sebagai pemimpin. Di antara sukatan pengajian yang telah dibuat adalah:-

1. Sebelum seseorang *muaddib* mengajar dan mendidik putera-putera raja tersebut, mereka hendaklah terlebih dahulu membaiki diri sendiri, kerana *muaddib* itu akan menjadi ikutan putera-putera tersebut sama ada baik atau buruk.
2. Mengajar al-Qurān tetapi jangan sampai mereka bosan kerana ditakuti mereka akhirnya akan meninggalkan serta menjauhkan diri dari al-Qurān.
3. Jangan tergesa-gesa memindahkan atau mengajar satu ilmu kepada satu ilmu yang lain sehingga mereka benar-benar faham tentangnya.

⁶⁷ Ahmad Shalaby, *op. cit.*, h. 23-24.

4. *Muaddib* berperanan dalam memastikan serta menegah putera-putera tersebut dari bercakap dengan perempuan⁶⁸.

Guru yang mengajar di istana dipanggil *muaddib* (pendidik) yang diambil dari perkataan 'adab' yang bermaksud budi pekerti. Mereka dipanggil *muaddib* kerana bertanggungjawab dalam mendidik budi pekerti dan akhlak putera-putera tersebut dan meriwayatkan kecerdasan orang-orang yang sebelum itu kepada mereka.⁶⁹

2.2. PUSAT PENDIDIKAN SELEPAS PENUBUHAN SEKOLAH

A. MADRASAH ATAU SEKOLAH

Sebelum munculnya sistem madrasah atau sekolah, tidak ada tingkat-tingkat pendidikan tertentu dalam sistem pendidikan sama ada peringkat rendah atau peralihan, peringkat menengah dan peringkat tinggi. Kurikulum khusus terhadap matapelajaran-matapelajaran yang dipelajari juga tidak dibentuk secara formal. Guru-guru sama ada di pondok, masjid, al-suffah dan lain-lain bebas mengajar apa-apa pelajaran mengikut kemahiran masing-masing. Sistem pengijazahan dan gelaran kepada ahli intelektual juga tidak diwujudkan⁷⁰.

⁶⁸ *Ibid*, h. 24.

⁶⁹ *Ibid*.

⁷⁰ Nur Azuki b. Yusuff, *op. cit.*, h. 42.

Institusi madrasah atau sekolah mula diperkenalkan pada akhir abad keempat hijrah oleh penduduk-penduduk Naisabūr iaitu al-Madrasah al-Baihaqiyyah. Madrasah ini merupakan institusi pertama berbentuk persekolahan di dunia Islam. Pada mulanya sekolah ini didirikan dengan tujuan melawan ajaran syi'ah dan mengajar ajaran sunnī. Selain itu, sekolah-sekolah lain yang turut didirikan di Naisabūr adalah sekolah Sa'adiyah yang didirikan oleh Amīr Nasar bin Sabaktikin⁷¹.

Usaha penubuhan sekolah ini kemudiannya dikembangkan oleh Nizām al-Mulk (456-485 H), Perdana Menteri berbangsa Saljuk di bawah Alep Arslan dan Malik Shah. Pada zaman Nizām al-Mulk inilah sekolah-sekolah didirikan di seluruh negeri Islam seperti Kota Baghdad, Kota Balkh, Naisabūr, Harāt, Isfahan, Baṣrah, Merw dan Mawsīl⁷². Bahkan ada yang mengatakan bahawa beliau telah mendirikan sekolah di setiap bandar di Iraq dan Khurasan⁷³.

Bukan hanya mendirikan sekolah semata-mata, bahkan Nizām al-Mulk turut menyediakan perpustakaan dengan pelbagai jenis buku rujukan, guru-guru yang luas pengetahuan serta kewangan yang mencukupi untuk menyelenggara sekolah-sekolah tersebut. Di antara sekolah yang didirikan oleh beliau adalah Nizamiyyah Baghdad dan ini merupakan sekolah pertama

⁷¹ Hassan Langgulong, "Pendidikan Islam Menghadapi Abad Ke-21", *op. cit.*, h. 42.

⁷² *Ibid.*

⁷³ Ahmad Amīn, *op. cit.*, h. 63.

yang beliau dirikan. Ia didirikan pada tahun 457H di pinggir Sungai Dajlah⁷⁴.

Di antara orang-orang yang mengikut jejak langkah dan usaha yang dijalankan oleh beliau ialah Nur al-Dīn. Beliau juga banyak mendirikan sekolah-sekolah dan merupakan pengasas pertama sekolah-sekolah di Damsyik. Beliau telah mendirikan sekolah-sekolah di kota-kota besar di bawah kekuasaannya sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 569H⁷⁵.

2.3. PUSAT PENDIDIKAN ISLAM DI KELANTAN

Perkembangan pendidikan Islam di Kelantan pada peringkat awal adalah dalam bentuk yang tidak formal dan ia mempunyai kaitan rapat dengan sejarah dan penyebaran Islam di Tanah Melayu. Catatan sejarah menunjukkan kehadiran pedagang-pedagang dari China, Arab dan India ke Nusantara ini telah memelopori usaha perdagangan serta penyebaran Islam melalui institusi pendidikan pondok dan madrasah. Ia telah berkembang luas ke merata negeri di Tanah Melayu seperti Melaka, Riau, Brunei, Kedah, Terengganu, Kelantan dan lain-lain⁷⁶.

⁷⁴ Ahmad Shalaby, *op. cit.*, h. 58.

⁷⁵ Hassan Langgulang, "Pendidikan Islam Menghadapi Abad Ke-21", *loc. cit.*

⁷⁶ Shahril @ Charil Marzuki & Habib Mat Som (1999), *Isu Pendidikan Di Malaysia: Sorotan dan Cabaran*, c.1. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd., h. 1.

Pusat pendidikan Islam di Kelantan lahir seiring dengan perkembangan Islam di negeri tersebut. Pendidikan Islam telah berkembang di Kelantan dipercayai seawal abad ke-16M. Pada peringkat ini, pendidikan diadakan di istana dan surau-surau untuk kerabat diraja, anak-anak pembesar dan orang ramai. Keadaan ini berkembang dengan lebih baik sehingga didirikan pula pondok-pondok yang menjadi institusi pendidikan Islam yang terkenal di Kelantan⁷⁷.

Kota Bharu merupakan pusat pendidikan Islam yang popular di Kelantan berbanding jajahan-jajahan lain. Di Kota Bharu inilah terdapat ramai ulama tempatan yang pada umumnya mendapat pendidikan di Masjid al-Haram, Mekah. Di sini kebanyakan para ulama mengajar di Masjid Muhammadi dan di surau-surau⁷⁸.

A. ISTANA

Istana telah menjadi pusat pendidikan pada zaman awal kedatangan Islam di Kelantan. Dipercayai bahawa Syeikh Hj. Abdul Halim⁷⁹ adalah di antara orang terawal menyampaikan pendidikan Islam di Kelantan. Beliau bukanlah anak Kelantan jati tetapi anak angkat kepada Sultan Long Yunus

⁷⁷ Abdul Halim Hj. Mat Diah, "Pendidikan Islam di Malaysia: Sejarah dan Pemikiran", *op. cit.*, h. 75.

⁷⁸ Nik Abdul Aziz b. Hj. Nik Hassan (1983), "Islam dan Masyarakat Kota Bharu Di Antara Tahun 1900-1940", dalam Khoo Kay Kim (ed.), *Islam Di Kelantan*, c.1. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, h. 1.

⁷⁹ Sultan Long Yunus sentiasa mengadakan hubungan baik dengan saudagar-saudagar China dan lain-lain pedagang yang datang berdagang di Kelantan. Ekoran dari budi baik baginda maka seorang saudagar China telah menghadiahkan seorang kanak-kanak lelaki kepada baginda. Kanak-kanak itu telah dinamakan Abdul Halim dan dijadikan anak angkat. Baginda telah menghantar Abdul Halim bersama-sama dengan seorang puteranya ke Mekah untuk mendalami ilmu agama. Rujuk Abdul Halim Ahmad (1982), "Pendidikan Islam Di Kelantan" dalam Prof. Khoo Kay Kim (ed.), *Beberapa Aspek Warisan Kelantan*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan Istana Jahar, h.1.

yang memerintah Kelantan pada tahun 1762-1794. Beliau memulakan pengajarannya pada akhir abad ke-18M di Istana Raja Kelantan dan di surau-surau untuk kerabat diraja, pembesar dan orang ramai⁸⁰.

Dalam pengajaran yang disampaikan dititik beratkan tentang Fardu 'Ain, Rukun Iman serta Rukun Islam. Pelajaran al-Qurān juga turut diajarkan di mana murid-murid diajar secara bergilir-gilir seorang demi seorang. Selain itu, murid-murid juga diajar membaca dan menulis ayat-ayat al-Qurān selepas mereka mahir membaca dan menulis jawi⁸¹.

B. SURAU

Surau juga memainkan peranan penting dalam penyebaran ilmu-ilmu agama di Kelantan. Ia telah dibina di merata kampung di negeri tersebut. Surau-surau ini dibina hasil pungutan derma dan sumbangan dari penduduk tempatan⁸².

Surau dikenali juga dengan balaisah atau balasah di Kelantan menjadi tempat tumpuan untuk solat berjemaah setiap waktu. Ia tidak digunakan untuk solat Jumaat. Pelajaran yang diajar di surau ialah Fardu 'Ain, Akidah dan al-Qurān. Manakala waktu belajar biasanya selepas

⁸⁰ *Ibid*, h. 1-2. Lihat Juga Nik Mohamed b. Nik Mohd. Salleh (1985), "Perkembangan Pendidikan atau Pengajian Islam di Negeri Kelantan", dalam Nik Mohamed b. Nik Mohd. Salleh (ed.), *Warisan Kelantan IV*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan Istana Jahar, h. 98.

⁸¹ Abdul Halim Ahmad, *op. cit.*, h.2.

⁸² Nur Azuki b. Yusuff, *op. cit.*, h. 44.

Maghrib. Kebanyakan guru-gurunya adalah dari lepasan pondok atau imam di surau tersebut⁸³.

Sebelum penubuhan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, pelajaran-pelajaran yang diajarkan di surau-surau ini adalah terpulang kepada guru dan imam yang mengajar. Kadangkala didapati terdapat pertentangan pendapat di antara guru dan pelajar-pelajar dari satu surau dengan surau yang lain kerana guru-guru tersebut bebas membuat interpretasi mereka sendiri tanpa disekat dan disiasat oleh mana-mana pihak. Walau bagaimanapun selepas penubuhan Majlis, pengajian di surau-surau ini lebih kemas dan teratur. Manakala guru-guru yang hendak mengajar di sini juga perlu terlebih dahulu mendapat surat kebenaran atau tauliah daripada pihak Majlis dan mereka dibayar gaji yang diambil dari bahagian zakat padi dan fitrah serta wang pembayaran nikah dan cerai anak-anak mukim. Di samping itu, pihak Majlis juga telah melantik guru-guru pelawat untuk melawat surau-surau di setiap kampung. Sistem ini diwujudkan untuk menyelaraskan pengajian-pengajian yang diajar di setiap surau tersebut⁸⁴.

Surau-surau di Kota Bharu sebelum tahun 1940 terletak di kawasan bandar dan kawasan luar bandar. Surau-surau yang terletak di kawasan bandar seperti Surau Hj. Daud, Surau Pak Cik Musa di Kampung Menuang, Surau Nik Man di Lorong Cik Su, Surau Hj. Wan Musa, Surau Hj. Nik

⁸³ Nik Abdul Aziz b. Hj. Nik Hassan, *op. cit.*, h. 2.

⁸⁴ Nik Abdul Aziz b. Hj. Nik Hassan (1983), "Peranan Majlis Terhadap Kemajuan Pelajaran Di Negeri Kelantan 1915-1930", dalam Khoo Kay Kim (ed.), *Islam Di Kelantan*, c.1. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, h. 88.

Abdullah, Surau Hj. Ahmad Manam di Jalan Merbau, Surau Hj. Wan Hassan Kemboja di Jalan Atas Banggol, Surau Hj. Nik Wan Daud di Jalan Atas Paloh, Surau Tuan Padang di Padang Medan, Surau Hj. Yaakob bin Hj. Ahmad di Lorong Gajah Mati dan Surau Tok Khurasan di Kampung Sireh. Manakala surau-surau yang terletak di kawasan luar bandar pula adalah Surau Tok Kenali di Kampung Kubang Kerian, Surau Hj. Abdullah Tahir di Kampung Bunut Payung, Surau Hj. Ibrahim dan Surau Hj. Nor di Kampung Penambang, Surau Hj. Ali Sallehuddin di Pulau Pisang dan Surau Hj. Umar Nuruddin di Kampung Sungai Keladi⁸⁵.

C. PONDOK

Sejarah awal kemunculan pondok adalah lanjutan dari pengajian al-Qurān yang dijalankan oleh tok guru. Di samping al-Qurān, ada lagi ilmu-ilmu lain yang diajar. Kedatangan orang-orang luar daerah menimbulkan pelbagai masalah terutamanya tempat tinggal. Pada mulanya mereka dibenarkan tinggal dengan penduduk-penduduk tempatan, di surau-surau, masjid-masjid dan juga di rumah tok guru. Tetapi setelah kedatangan mereka semakin ramai dan keadaan menjadi semakin sesak, maka timbul idea supaya di buat rumah kecil di sekeliling rumah tok guru. Rumah inilah yang dipanggil pondok⁸⁶.

⁸⁵ Nik Abdul Aziz b. Hj. Nik Hassan, "Islam dan Masyarakat Kota Bharu Di Antara Tahun 1900-1940", *loc. cit.*

⁸⁶ Abdullah Ishak, *op. cit.*, h. 179.

Perkataan 'Pondok' berasal dari perkataan Arab. Ia mempunyai beberapa maksud. Antaranya ialah rumah-rumah kecil tempat tinggal pelajar-pelajar sekitar tiga atau empat orang bagi tiap-tiap sebuah rumah. Ia juga dimaksudkan sebagai rumah tumpangan. Tetapi di Malaysia dan Selatan Thailand khususnya di wilayah Patani, Narathiwat, Yala, Songkla dan Satun pondok bererti satu institusi pendidikan Agama Islam yang bersendirian dan berasrama⁸⁷.

Kemunculan institusi pondok di Kelantan tidak dapat di ketahui dengan jelas, tetapi dipercayai bahawa pondok yang pertama ditubuhkan di Kelantan ialah pada tahun 1820 oleh Tuan Guru Hj. Abdul Samad b. Abdullah di Pulau Chondong yang terletak di Jalan Kuala Krai-Kota Bharu⁸⁸.

Tuan Guru Hj. Abdul Samad atau dikenali dengan gelaran Tok Pulau Chondong telah menjadi pelopor dalam memperkenalkan sistem pendidikan pondok di Kelantan. Beliau sendiri telah mewakafkan tanahnya untuk murid-muridnya mendirikan pondok. Beliau juga telah mendirikan sebuah masjid sebagai tempat belajar⁸⁹.

Murid-murid Tok Pulau Chondong bukan sahaja dari kalangan anak-anak tempatan, bahkan terdapat juga pelajar-pelajar yang datang dari Kampar, Sumatera, Kampuchea dan Patani. Sehingga pada tahun 1880,

⁸⁷ Nik Mohamed b. Nik Mohd. Salleh, *op. cit.*, h. 99-100.

⁸⁸ Abdul Halim Ahmad, *op. cit.*, h. 8.

⁸⁹ *Ibid*, h. 9.

murid-muridnya hampir mencapai bilangan 500 orang. Di antara murid-murid beliau yang terkenal ialah Tok Kemuning yang telah membuka pondok di Kemuning, Machang pada awal abad ke-20M⁹⁰.

Walau bagaimanapun, peranan pondok tersebut semakin pudar setelah Tuan Guru Hj. Muhammad Arshad, anak kepada Tok Pulau Chondong yang telah menggantikan beliau, meninggal dunia. Keadaan ini berlaku kerana tidak ada orang yang dapat menyambung usaha yang dilakukan oleh Tok Pulau Chondong⁹¹.

Namun Begitu, menjelang kurun ke-20M institusi pondok kembali berkembang terutamanya di kawasan Kota Bharu, Pasir Mas, Tumpat, Pasir Puteh, Machang, Kuala Krai dan Bachok⁹². Pondok-pondok di sini didirikan tanpa sebarang bantuan dari pemerintah. Ianya dibangunkan dengan usaha guru-guru dan masyarakat tempatan yang memberikan tapak secara sukarela⁹³.

Perkembangan institusi pondok juga semakin pesat ekoran dari kepulangan ramai ulama anak negeri yang belajar di Patani, Mesir dan Mekah ke tanahair dan membuka pondok untuk mengajar agama. Mereka

⁹⁰ *Ibid.*

⁹¹ *Ibid.*

⁹² Mohamad Abu Bakar (1985), "Pondok, Pilihanraya dan Pemerintahan Di Kelantan", dalam Nik Safiah Karim & Wan Abdul Kadir Yusoff (ed.), *Kelantan Dalam Perspektif Sosio-Budaya: Satu Kumpulan Esei*, Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya, h. 318-319. Lihat Juga Nik Mohamed b. Nik Mohd. Salleh, *op. cit.*, h. 15.

⁹³ *Ibid.*, h. 35.

dihormati dan dipandang tinggi dalam masyarakat. Mereka bukan sahaja dihormati sebagai seorang guru yang memberikan pendidikan agama, malah dianggap sebagai pemimpin, tempat rujuk dan juga penasihat. Di antara ulama-ulama tersebut ialah Syeikh Abdul Samad atau Tuan Tabal, Wan Ali Wan Abdul Rahman atau Syeikh Wan Ali Kutan, Hj. Nik Zainal Abidin atau Tok Konok, Hj. Salleh atau Tok Bachok dan Hj. Mohamad Yusuf bin Ahmad atau Tok Kenali⁹⁴.

Pelajar-pelajarnya juga bukan hanya terdiri dari rakyat tempatan atau dari Semenanjung Malaysia sahaja bahkan ada yang datang dari Patani, Kemboja, Vietnam, Kepulauan Borneo, Indonesia (seperti orang-orang Mandiling, Jambi, Kampar, Siak, Indragiri dan Bantam) dan juga dari Filipina⁹⁵. Manakala sistem pembelajaran yang dilaksanakan adalah secara hafalan khususnya bagi matapelajaran Tauhīd, Fiqah dan al-Qurān⁹⁶. Matapelajaran-matapelajaran lain yang turut diajar adalah Tasauf, Tārikh Islam, Nahu dan Şoraf, Sastera Arab, Uşul al-Fiqh, Wirid dan Qawā'id⁹⁷.

D. MASJID

Masjid juga merupakan pusat pendidikan Islam yang utama bagi orang-orang Islam dalam menuntut dan mempelajari pelbagai ilmu

⁹⁴ *Ibid.*

⁹⁵ Wan Burhadin b. Wan Omar (1983), "Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan Sehingga 1974", dalam Khoo Kay Kim (ed.), *Islam Di Kelantan*, c.1. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, h. 92.

⁹⁶ Shahril @ Charil Marzuki & Habib Mat Som, *op. cit.*, h. 2.

⁹⁷ Rahim b. Abdullah (1983), "Pelajaran Pondok Di Kelantan", dalam Prof. Khoo Kay Kim (ed.), *Warisan Kelantan II*, c.1. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan Istana Jahar, h. 3.

pengetahuan kerana di sinilah tempat untuk orang-orang Islam berkumpul dalam membincangkan sesuatu masalah sejak dari zaman Rasūlullah ﷺ lagi. Masjid juga merupakan institusi pertama yang dibina di mana-mana sahaja Islam bertapak. Di Kelantan, pembinaan masjid telah diberi perhatian serius oleh pihak Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan kerana kesedaran bahawa masjidlah tempat bagi orang-orang Melayu berkumpul, bertukar-tukar pendapat, membincangkan masalah bersama dan sebagainya⁹⁸. Ia didirikan di setiap mukim yang mempunyai penduduk yang cukup untuk menunaikan sembahyang Jumaat⁹⁹.

Terdapat tiga buah masjid bersejarah di Kelantan iaitu Masjid Kampung laut, yang dipercayai berusia lebih 300 tahun dan merupakan masjid tertua yang dikenal pasti di Malaysia¹⁰⁰. Kedua adalah Masjid Muhammadi yang ada sekarang ini. Ia dibina asalnya daripada kayu pada tahun 1925. Masjid yang ketiga ialah Masjid Langgar yang dibina sekitar pertengahan abad ke-19M. Ketiga-tiga masjid ini memainkan peranan besar sebagai pusat pendidikan Islam di Kelantan¹⁰¹.

⁹⁸ Nik Abdul Aziz b. Hj. Nik Hassan, "Peranan Majlis Terhadap Kemajuan Pelajaran Di Negeri Kelantan 1915-1930", *op. cit.*, h. 86-87.

⁹⁹ Abdul Halim Ahmad, *op. cit.*, h. 3.

¹⁰⁰ Drs.Abd. Rahman al-Ahmadi (1978), *Sejarah Masjid Kampung Laut*, Edit.1, Kuala Lumpur: Penerbit Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, h. 1.

¹⁰¹ *Ibid.*

Masjid mengamalkan sistem pendidikan berbentuk halaqah¹⁰². Sambutan terhadap pendidikan ini amat menggalakkan. Mereka yang hadir terdiri dari dua golongan iaitu :

1. Penadah. Mereka serius dalam mempelajari pendidikan Islam dengan membawa dan menggunakan kitab semasa belajar. Mereka belajar untuk menjadi ulama'.
2. Pendengar. Mereka hadir hanya bertujuan untuk mengambil pengajaran sebagai panduan hidup seharian mereka¹⁰³.

E. MADRASAH

Madrasah tidak kurang pentingnya dalam perkembangan sejarah pendidikan Islam di Kelantan. Setakat yang diketahui, pengajian Islam secara persekolahan ini dimulakan pada tahun 1906 apabila sebuah sekolah agama didirikan di Kota Bharu. Tetapi ada juga yang mengatakan sekolah agama di Kelantan telah didirikan pada tahun 1910 iaitu Madrasah Khairiyyah di Lorong Tok Semian, Kota Bharu. Matapelajaran yang diajar pada ketika itu ialah al-Qurān dan bahasa Arab¹⁰⁴.

¹⁰² Rujuk Lampiran K.

¹⁰³ Nik Abdul Aziz b. Hj. Nik Hassan (t.t), *Sejarah Perkembangan Ulama Kelantan*, Kota Bharu: Pakatan Keluarga Tuan Tabal, h. 107.

¹⁰⁴ Nur Azuki b. Yusuff, *op. cit.*, h. 49.

F. SEKOLAH AGAMA RAKYAT

Sekolah Agama Rakyat (SAR) adalah lanjutan daripada kelahiran madrasah. Walau bagaimanapun, pengurusan atau organisasinya adalah lebih bersistematik kerana dikelolakan oleh MAIK. Pada umumnya SAR masih menggunakan istilah madrasah, sebelum ditukar kepada sekolah agama¹⁰⁵.

Sekolah agama yang pertama ditubuhkan di Kelantan ialah Madrasah Muhammadiyyah¹⁰⁶. Ia merupakan salah sebuah sekolah agama yang mengikut kaedah pendidikan persekolahan moden. Nama penuh madrasah ini ialah al-Madrasah al-Muhammadiyyah al-Kelantaniyyah yang ditubuhkan pada 5hb. Ogos 1917 di Kota Bharu¹⁰⁷.

Pada peringkat awalnya, sekolah ini beroperasi di tingkat satu bangunan MAIK sendiri yang terletak di Jalan Raja, Kota Bharu. Dari madrasah inilah lahirnya golongan muda terpelajar Kelantan yang melanjutkan pengajian ke Kolej Melayu Kuala Kangsar, Kolej Pertanian Serdang dan Kolej Perguruan Tanjung Malim. Bahkan ada juga yang melanjutkan pengajian ke Timur Tengah dan England¹⁰⁸.

¹⁰⁵ *Ibid*, h. 50.

¹⁰⁶ Lotfi Ismail (1991), *Serambi Mekah Di Bawah Pimpinan Ulama*, c.1. Kelantan: Penerbit Jaafar Rawas, h. 18.

¹⁰⁷ Abdul Rahim Abdullah (et al.) (ed.) (1998), *Ensiklopedia Sejarah Dan Kebudayaan Melayu*, c.1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1389.

¹⁰⁸ Abdul Rahman Al-Ahmadi (1999), "Kelantan Sebuah Negeri Dalam Semenanjung Malaysia: Sejarah Dan Citra", dalam Wan Hashim Wan Teh & Daniel Perret (ed.), *Di Sekitar Konsep Negeri*, Kuala Lumpur: Ampang Press Sdn. Bhd., h. 124.

Madrasah ini mempunyai dua bahagian iaitu Sekolah Arab-Agama dan Sekolah Melayu-Agama. Pelajar-pelajarnya terdiri daripada anak-anak tempatan dan ada juga yang datang dari luar Kelantan. Sekolah Arab-Agama ditempatkan di Masjid Muhammadi Kota Bharu, sementara Sekolah Melayu-Agama ditempatkan di rumah Dato' Hassan b. Muhd. Salleh iaitu Dato' Perdana Menteri. Rumah ini telah dibeli oleh Majlis pada 31hb. Julai 1917 dengan harga RM15 000 daripada hasil pungutan zakat¹⁰⁹.

Madrasah tersebut ditadbir oleh Yang Dipertua MAIK iaitu Tengku Muda Hassan b. Tengku Muhamad dengan dibantu oleh Dato' Bentara Luar iaitu Dato' Muhammad Ghazali b. Ariffin dan Dato' Istiadat iaitu Dato' Muhamad Daud b. Salim¹¹⁰.

Berikutan daripada penubuhan madrasah tersebut, maka banyak lagi Sekolah-sekolah Agama Rakyat ditubuhkan seperti Madrasah Pasir Mas (1918), Madrasah Pasir Puteh (1918) dan Madrasah Kampung Kutan (1919). Semua sekolah-sekolah tersebut diusahakan oleh masyarakat tempatan melalui jawatankuasa pengelola. Manakala sumber kewangannya adalah daripada derma dan sumbangan orang ramai serta yuran pelajar. Pada awal tahun 1966, sebanyak 113 buah sekolah agama di Kelantan mendapat bantuan kewangan daripada kerajaan negeri¹¹¹.

¹⁰⁹ Nik Mohamed b. Nik Mohd. Salleh, *op. cit.*, h. 110.

¹¹⁰ *Ibid.*

¹¹¹ Abdul Rahman Al-Ahmadi, *loc. cit.*

G. PUSAT PENDIDIKAN TINGGI AGAMA

Perkembangan Kelantan sebagai pusat pendidikan Islam melangkah setapak lagi dengan tertubuhnya Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) atau sebelumnya dikenali dengan Pusat Pengajian Tinggi Islam Kelantan (PPTIK). Namun masih ramai yang tidak mengetahui tentang penubuhan dan kewujudan institusi tersebut sebagai sebuah institusi pengajian Islam sedangkan ia merupakan satu peringkat yang penting dalam perkembangan pengajian Islam di tanah air kita¹¹².

Pusat pengajian ini lahir daripada kegigihan tokoh politik Parti Islam SeMalaysia (PAS) yang ingin melihat perkembangan pesat pendidikan Islam di Kelantan¹¹³. YPTIK memulakan pengajiannya yang pertama pada 1hb. Disember 1965 dengan pelajar berjumlah 43 orang iaitu untuk sebuah kelas. Di antara matapelajaran yang diajar pada peringkat pertama ini adalah Mabādik al-Falsafah, Mantiq, Nizām al-Islām, Balāghah, Fiqh al-Kitāb wa al-Sunnah, Uṣūl al-Fiqh, 'Ulūm al-Qurān, al-'Aqīdah al-Islāmiyyah, al-Feqh al-Islāmi dan Muṣṭalah al-Hadīth. Kemudian pada 1hb. Januari 1966, dua lagi matapelajaran baru ditambah dalam sukatan pengajian iaitu Sastera dan Bahasa Melayu¹¹⁴. Diantara matlamat penubuhan YPTIK adalah;

¹¹² Wan Burhadin b. Wan Omar, *op. cit.*, h. 91.

¹¹³ *Ibid*, h. 91-95.

¹¹⁴ *Ibid*, h. 108.

1. Menghidupkan pengajian Islam.
2. Menjadi pendorong bagi perkembangan pengajian tinggi Islam di tanahair.
3. Melahirkan angkatan terpelajar Islam dalam lapangan undang-undang dan perundangan Islam.
4. Menyediakan angkatan terpelajar bagi memenuhi jawatan-jawatan yang bercorak agama dan kemasyarakatan.
5. Mengadakan peluang dan kemudahan bagi pelajar-pelajar menyambung pengajian khususnya diluar negeri.
6. Memberi peluang kepada pelajar-pelajar tingkatan menengah Arab melanjutkan pengajian mereka dengan mendapat beberapa kemudahan¹¹⁵.

Tenaga pengajar yang berkhidmat di YPTIK ini pada peringkat awalnya adalah Ustaz Wan Hussain b. Wan Abdul Kadir, Ustaz Muhammad Che' Wok, Ustaz Muhammad Daud, Ustaz Hassan Idris, Cikgu Salleh Mat Akib dan Cikgu Abdullah Qari¹¹⁶.

Pada awalnya YPTIK berada di bawah kelolaan Jawatankuasa Pengelola Pusat Pengajian Tinggi Islam Kelantan (JPPPTIK). Mesyuarat pertamanya pada 26hb. Julai 1965 telah menerima beberapa ketetapan dan melantik beberapa jawatankuasa kecil. Setelah beberapa jentera pelaksana diwujudkan, maka pada 1hb. September 1965, pejabat Setiausaha JPPPTIK

¹¹⁵ Nik Mohamed b. Nik Mohd. Salleh, *op. cit.*, h. 116.

¹¹⁶ Wan Burhadin b. Wan Omar, *loc. cit.*

dibuka di istana lama Nilam Puri yang juga merupakan tempat pengajian pertama YPTIK tersebut dengan beberapa pegawai dan kakitangan iaitu Ustaz Abu Bakar Hamzah (Setiusaha merangkap Pendaftar), Ustaz Fauzi Hj. Awang (Pemangku Pengelola Am), Ustaz Muhammad Che' Wok (Pensyarah) dan Encik Hussein b. Mat Zain (Pion)¹¹⁷.

Sebenarnya, penubuhan YPTIK ini telah menimbulkan reaksi yang pelbagai dari golongan masyarakat. Ada golongan yang menyambut baik penubuhan yayasan tersebut, malah tidak kurang juga yang tidak bersetuju kerana kurang keyakinan kepada pihak pentadbiran untuk menguruskan sebuah institusi pengajian yang cukup besar. Walau bagaimanapun, bagi pihak Sultan Kelantan sendiri, baginda menyambut baik penubuhan institusi ini. Baginda telah membantu pihak pengelola dalam mendapatkan tapak atau bangunan untuk YPTIK. Baginda dengan bermurah hati mengurniakan Istana Nilam Puri berserta kawasannya sebagai tempat pengajian dan pusat pentadbiran YPTIK. Di samping itu, pihak MAIK juga telah bekerjasama dalam melancarkan lagi penubuhan institusi ini di mana ia bersetuju agar YPTIK ini didaftarkan di bawah nama MAIK untuk mendapatkan kelulusan bagi penubuhannya serta sanggup meminjamkan seorang gurunya untuk dilantik sebagai Pemangku Pengetua yang pertama bagi institusi tersebut¹¹⁸.

Reaksi positif juga turut ditunjukkan oleh sesetengah negara di Timur Tengah seperti Iraq, Arab Saudi dan Kuwait. Kementerian

¹¹⁷ *Ibid*, h. 104.

¹¹⁸ *Ibid*, h. 116.

Pendidikan Republik Iraq telah memberikan tawaran sepuluh biasiswa kepada pelajar-pelajar institusi tersebut pada sesi pengajian 1966/67 untuk melanjutkan pengajian di Universiti Iraq. Manakala pihak kedutaan Arab Saudi di Kuala Lumpur pula telah menghadihkan sebanyak 20 buah buku rujukan untuk ditempatkan di Perpustakaan YPTIK. Seterusnya, Jabatan Hal Ehwal Islam Kuwait juga telah menghadihkan sebanyak 264 buah buku sebagai rujukan para pelajar sejak dari awal pengajian sehingga tahun 1967¹¹⁹.

Jangkamasa belajar di YPTIK ialah empat tahun yang dikira bersamaan dengan Sijil Tinggi di Kuliah Syariah Universiti al-Azhar, Mesir. Pelajar-pelajar lepasan pusat pengajian ini juga berpeluang menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi di universiti-universiti Islam luar negara seperti Universiti al-Azhar¹²⁰.

Bagi meluaskan keberkesanan fungsi YPTIK ini, ianya telah diserapkan ke Akademi Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur yang meliputi Fakulti Usuluddin dan Syariah, Program Sarjana Muda Pendidikan Islam dan Pra Akademi Islam pada 1hb. April 1981¹²¹.

¹¹⁹ *Ibid*, h. 117-118.

¹²⁰ *Ibid*, h. 102.

¹²¹ *Ibid*, h. 104. Lihat juga Abdul Halim Hj. Mat Diah, "Pendidikan Islam Di Malaysia: Sejarah dan Pemikiran", *op. cit.*, h. 77.